

FAQ Penyelarasan Pencen 2 Peratus setahun mulai tahun 2013

1.	<p>SOALAN : Siapakah yang layak menerima penyelarasan pencen 2 peratus?</p> <p>JAWAPAN : Pesara / penerima pencen terbitan dan penerima pencen tanggungan bagi perkhidmatan awam Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan yang telah menerima pencen pada tahun 2012.</p>
2.	<p>SOALAN : Bilakah bayaran penyelarasan pencen sebanyak 2 peratus dibayar kepada pesara?</p> <p>JAWAPAN : Bayaran akan dibuat mulai Januari 2013 bagi pesara / penerima pencen terbitan dan penerima pencen tanggungan yang telah menerima pencen bulanan pada tahun 2012.</p>
3.	<p>SOALAN : Adakah penyelarasan pencen 2 peratus dikira daripada amaun pencen semasa atau amaun pencen asal (amaun pencen semasa bersara)?</p> <p>JAWAPAN : Penyelarasan pencen 2 peratus akan dikira daripada amaun pencen semasa yang diterima pada tahun 2012.</p>
4.	<p>SOALAN : Adakah pesara yang bersara pada 1/1/2013 layak menerima kenaikan 2 peratus pada tahun tersebut?</p> <p>JAWAPAN : Tidak layak. Mereka akan menerima penyelarasan pencen 2 peratus mulai tahun 2014.</p>
5.	<p>SOALAN : Sekiranya terdapat semakan gaji anggota sektor awam, adakah pesara akan menerima penyelarasan pencen berdasarkan kenaikan gaji anggota sektor awam?</p> <p>JAWAPAN : Tidak. Sebaliknya pesara / penerima pencen terbitan dan pencen tanggungan akan menerima penyelarasan pencen setiap tahun dengan kadar kenaikan 2 peratus.</p>

6.	<p>SOALAN : Bagaimanakah pengiraan penyelarasan 2 peratus?</p> <p>JAWAPAN : Formula Pengiraan : [Amaun pencen semasa + (Amaun pencen semasa x 2/100)]</p> <p>Contoh pengiraan penyelarasan setiap tahun dengan kadar kenaikan 2 peratus:-</p> <p>Encik Ahmad telah menerima pencen sebanyak RM1000.00 sebulan pada tahun 2012. Berapakah jumlah pencen Encik Ahmad selepas menerima kenaikan 2 peratus pada tahun 2013 hingga tahun 2016?</p> <p>Pencen bulanan tahun 2013 :</p> <p>$RM1000.00 \times 2/100 = RM20.00$ (kenaikan 2 peratus)</p> <p>$RM1000.00 + RM20 = \textbf{RM1020.00}$ (jumlah pencen bulanan yang diterima)</p> <p>Pencen bulanan tahun 2014 :</p> <p>$RM1020.00 \times 2/100 = RM20.40$ (kenaikan 2 peratus)</p> <p>$RM1020.00 + RM20.40 = \textbf{RM1040.40}$ (jumlah pencen bulanan yang diterima)</p> <p>Pencen bulanan tahun 2015 :</p> <p>$RM1040.40 \times 2/100 = RM20.80$ (kenaikan 2 peratus)</p> <p>$RM1040.40 + RM20.80 = \textbf{RM1061.20}$ (jumlah pencen bulanan yang diterima)</p> <p>Pencen bulanan tahun 2016 :</p> <p>$RM1061.20 \times 2/100 = RM21.23$ (kenaikan 2 peratus)</p> <p>$RM1061.20 + RM21.22 = \textbf{RM1082.43}$ (jumlah pencen bulanan yang diterima)</p>
7.	<p>SOALAN : Adakah Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara dan Hakim layak menerima penyelarasan sebanyak 2 peratus?</p> <p>JAWAPAN : Tidak layak kerana golongan ini menggunakan Akta dan peruntukan undang-undang yang berbeza.</p>